

D. KETERANGAN LAIN YANG ADA HUBUNGKAIT DENGAN PERMOHONAN JAWATAN INISILA MASUKKAN 3 TAHUN TERAKHIR
(PETAK YANG BERKAITAN)

TAHUN TUNAI HAJI			
HADIR 'KURSUS <i>TRAINING OF TRAINERS</i> ' (TOT)			
SIJIL PEMBIMBING IBADAT HAJI (SPIH)			
HADIR MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN			
PENGALAMAN PENCERAMAH KURSUS-KURSUS HAJI <i>TH</i>			
PENGALAMAN BERTUGAS DI TANAH SUCI (PIHTAS)			
HADIR KELAS INTENSIF TAFUQUH HAJI DAN UMRAH ANJURAN <i>TH</i>			

E. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa semua keterangan yang telah saya nyatakan di dalam borang ini adalah benar. Saya sedar bahawa sekiranya ada di antara maklumat itu didapati tidak tepat/ palsu, permohonan saya boleh dibatalkan. Sekiranya saya dilantik, perkhidmatan saya boleh ditamatkan dengan serta-merta oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Tabung Haji.

Tarikh :

Tandatangan Pemohon :

Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke alamat berikut:-

Pengurus Besar (Bahagian Bimbingan)
Jabatan Haji
Lantai 31, Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

F. IZIN SUAMI/ WALI (untuk wanita sahaja) (jika memohon PIHTAS)

Sayanombor kad pengenalanadalah *suami/ wali kepada Dengan ini *mengizinkan/ tidak mengizinkan penama di atas menganggotai Rombongan Rasmi Haji Malaysia (Kebajikan) untuk berkhidmat di Tanah Suci dalam musim haji jika terpilih.

Tandatangan

.....
()

*potong yang mana tidak berkenaan

G. SOKONGAN – PENGURUS BESAR *TH*, PENGARAH *TH* NEGERI ATAU PENGURUS *TH* DAERAH

Saya menyokong/ tidak menyokong permohonan ini. Pemohon telah memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tarikh :

Tandatangan dan Cop Rasmi :

TATACARA PERLANTIKAN PENGKURSUS IBADAT HAJI TANAH AIR (PEKTA)

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Pemohon mengisi borang permohonan. Terima permohonan daripada individu yang berminat untuk menjadi Pengkursor Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA). Pemohon hendaklah menyertakan salinan siji-sijil yang lengkap dan disahkan.	Pemohon Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah
2.	Kelulusan menerima permohonan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:- 2.1 telah menunaikan fardhu haji 2.2 mempunyai tauliah mengajar yang sah dan masih berkuatkuasa dari Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri 2.3 mempunyai latar belakang pendidikan Islam dengan kelulusan sekurang-kurangnya Diploma Pengajian/ Pendidikan Islam 2.4 berakhlak mulia dan tidak merokok	Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah
3.	Buat pengesahan dengan Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri mengenai status tauliah mengajar dan rekod peribadi calon bersesuaian dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.	Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah
4.	Pengarah TH Negeri atau Pengurus TH Daerah memberi sokongan dan mengemukakan borang kepada Bahagian Bimbingan.	Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah
5.	Mengadakan saringan, mengeluarkan surat panggilan temuduga dan mengaturkan sesi temuduga. Ahli panel temuduga terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH -JAKIM) dan Pengurus-Pengurus Besar (Jabatan Haji) serta Bahagian Bimbingan selaku urusetia.	Bahagian Bimbingan
6.	Keputusan temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dan Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah.	Bahagian Bimbingan
7.	Calon yang berjaya lulus temuduga (markah lulus 70% ke atas) hendaklah terlebih dahulu mengikuti Muzakarah Haji dan Kursus <i>Training of Trainers</i> (tempoh 3 tahun) sebelum layak mengisi Borang Permohonan Kad Tauliah Mengajar Haji dan Umrah (KATAMHAJJ).	Bahagian Bimbingan
8.	Senarai calon yang berjaya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH -JAKIM) untuk makluman.	Bahagian Bimbingan dan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH -JAKIM)
9.	Borang yang telah lengkap akan dibuat penilaian sebelum dikeluarkan Surat Kebenaran Mengajar Haji dan Umrah. Kemasukan data ke dalam sistem PEKTA oleh Bahagian Bimbingan.	Bahagian Bimbingan
10.	Bahagian Bimbingan dengan kerjasama pembekal kad akan memproses Kad Tauliah Mengajar Haji dan Umrah.	Bahagian Bimbingan
11.	Keluarkan surat berserta Kad Tauliah Mengajar Haji dan Umrah bagi yang pertama kali (permohonan baru) dan hanya keluarkan Kad Tauliah Mengajar Haji dan Umrah bagi PEKTA dalam kategori permohonan semula/ lanjutan. PEKTA hendaklah mengembalikan kad tauliah yang telah tamat tempoh kepada Pejabat TH Negeri/ Daerah atau Bahagian Bimbingan untuk tujuan pelupusan sebelum digantikan dengan kad baru. Mengemukakan salinan surat dan senarai PEKTA kepada Pejabat TH Negeri/ Daerah. Semakan semula dan pengemaskinian rekod PEKTA melalui sistem.	Bahagian Bimbingan

TATACARA PERLANTIKAN PEMBIMBING IBADAT HAJI TANAH SUCI (PIHTAS)

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	Terima permohonan daripada PEKTA yang berminat untuk menjadi Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS).	PEKTA Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah
2.	<p>Kelulusan menerima permohonan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:-</p> <p>2.1 calon merupakan Pengkursor Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) yang dilantik oleh TH dan mempunyai Kad Tauliah Mengajar Haji dan Umrah (KATAMHAJJ) yang masih berkuatkuasa yang dikeluarkan oleh Bahagian Bimbingan</p> <p>2.2 telah menunaikan fardhu haji</p> <p>2.3 telah menyertai Muzakarah Haji dan Kelas Intensif Tafaquh Haji dan Umrah</p> <p>2.4 mempunyai Sijil Pembimbing Ibadat Haji (SPIH)</p> <p>2.5 berpotensi dan aktif dalam menyampaikan kursus haji di peringkat Negeri atau Daerah</p> <p>2.6 tidak dilantik sebagai Pembimbing Ibadat Haji Tanah Suci (PIHTAS) dalam tempoh tiga (3) tahun ke belakang</p> <p>2.7 mengurus sendiri pelepasan majikan sekiranya dilantik</p> <p>2.8 tidak terlibat dengan urusan membawa jemaah haji</p> <p>2.9 sihat tubuh badan dan sebaik-baiknya berumur tidak melebihi 60 tahun</p> <p>2.10 sanggup bertugas melebihi 60 hari</p> <p>2.11 berakhlak mulia dan tidak merokok</p>	Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah
3.	Pengarah TH Negeri memberi sokongan dan mengemukakan borang pencalonan kepada Bahagian Bimbingan.	Pengarah TH Negeri
4.	Mengadakan saringan, mengeluarkan surat panggilan temuduga dan mengaturkan sesi temuduga. Ahli panel temuduga terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH -JAKIM) dan Bahagian Bimbingan selaku urusetia.	Bahagian Bimbingan
5.	Keputusan temuduga kepada calon yang berjaya dan tidak berjaya akan dimaklumkan kepada pemohon dan Pengarah TH Negeri/ Pengurus TH Daerah. Calon yang berjaya mendapat markah lulus 75% ke atas akan disenaraikan sebagai calon PIHTAS bagi tahun semasa. Mereka akan mengikuti Kursus Teras Petugas Haji.	Bahagian Bimbingan Bahagian Pengurusan Haji
6.	Calon simpanan musim haji sebelumnya dan PIHTAS yang mendapat markah prestasi 75% dan ke atas semasa bertugas di Tanah Suci (bagi tempoh 3 tahun ke belakang) layak dipertimbangkan sebagai PIHTAS tahun semasa untuk memenuhi kuota (jika perlu).	Bahagian Bimbingan
7.	Senarai PIHTAS terpilih akan dikemukakan kepada Pengurus Besar Kanan (Haji) untuk mendapat pengesahan dan kelulusan. Calon yang terpilih akan diberikan Surat Pelepasan Majikan, Surat Tawaran Bertugas Tanah Suci dan Surat Jadual Penerbangan.	Bahagian Bimbingan Bahagian Pengurusan Haji
8.	PIHTAS terpilih akan mengikuti Sesi Pemantapan Dokumentasi ISO, Kursus Pengukuhan Petugas Haji dan Taklimat Akhir.	Bahagian Bimbingan Bahagian Pengurusan Haji
9.	Senarai PIHTAS terpilih akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH -JAKIM) untuk makluman.	Bahagian Bimbingan dan Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH -JAKIM)